

# Pembenihan awan di Semenanjung bermula

**KUALA LUMPUR 11 April** - Operasi pembenihan awan di Semenanjung Malaysia dijangka diadakan bermula esok sehingga awal bulan Mei ini bagi menangani masalah paras air yang berada pada tahap kritikal di empangan beberapa negeri ekoran cuaca panas melampau ketika ini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata, operasi tersebut yang turut dijalankan di Sabah pada 7 April lalu akan diteruskan di negeri berkenaan bagi menangani masalah jerebu yang berlaku sejak minggu lalu.

Kata beliau, pembenihan awan berkenaan akan melibatkan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang menggunakan segala aset dan kepakaran mereka dalam usaha membantu melancarkan operasi tersebut.

"Saya amat berharap agar usaha yang dilaksanakan ini dapat menghasilkan hujan supaya membantu kawasan yang terjejas ekoran masalah berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, beberapa empangan di sebahagian negeri dilaporkan berada pada tahap kritikal apabila paras air simpanan jatuh di bawah 30 peratus.

Antaranya ialah Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Pedu, Ah Ning dan Beris di Kedah serta empangan di Air Hitam dan Teluk Bahang di Pulau Pinang.

Selain itu, Empangan Bukit Merah di Perak, Gemencheh di Negeri Sembilan dan Durian Tunggal, Jus serta Asahan masing-masing di Melaka turut terjejas akibat fenomena El Nino tersebut.